

# Jellson teruja beraksi kali pertama di GP KL

**Aida Adilah Mat**

aida\_adilah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur:** Penerjun muda negara, Jellson Jabillin (*gambar*) teruja apabila diberi kepercayaan untuk beraksi buat kali pertama pada kejohanan Terjun Grand Prix Kuala Lumpur (GP KL) di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil.

Ia kejohanan besar pertama buat penerjun muda berusia 16 tahun itu selepas berjaya menyumbangkan dua pingat emas ketika temasya Sukan SEA (KL2017) lalu.

Tegas Jellson, dia kini sudah bersedia sepenuhnya dan tidak sabar untuk memberi aksi terbaik biarpun mengakui untuk meraih pingat emas bukan mudah.

“Emas tetap sukar kerana ramai penerjun yang hebat akan mengambil bahagian. Tapi saya akan cuba.

“Tambahan pula ia GP pertama saya dan kali pertama saya beraksi bersama mereka yang jauh lebih hebat,” katanya.

Jellson diberi kepercayaan oleh ketua jurulatih Yang Zhuliang untuk beraksi dalam dua acara 10m platform seirama campuran bergandingan bersama juara dunia Cheong Jun Hoong manakala dalam acara 10m platform seirama bersama Hanis Na-

zirul Jaya Surya.

Sementara itu Zhuliang berkata, atlet negara menjalani latihan seperti biasa namun jarak masa yang singkat antara temasya Sukan SEA dan GP KL sedikit merencatkan rentak latihan apabila mereka sukar melakukan terjunan darjah kesukaran lebih tinggi.

Namun, beliau berkata, penerjun negara mampu memberi aksi lebih baik berbanding KL2017 apabila Malaysia menyapu bersih 13 pingat emas yang dipertandingkan.

Tegasnya, kehadiran penerjun handalan dari China menjadikan tahap saingan lebih sengit dan pertandingan kali ini lebih kompetitif.

